

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK WONG TIEN FATT @ WONG NYUK
FOH [SANDAKAN]**

SOALAN NO. 513

Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status program MySalam dan PeKa B40 yang baru dilancarkan pada tahun ini dan menyatakan kuota yang akan dibahagikan kepada rakyat Sabah.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Sepertimana yang telah saya umumkan pada 28 Januari 2019 semasa Majlis Pelancaran Media bagi PeKa B40, di mana Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan melaksanakan Skim Peduli Kesihatan untuk kumpulan B40 pada April 2019. Objektif utama Skim Peduli Kesihatan untuk Kumpulan B40 atau dikenali sebagai PeKa B40 adalah untuk mempertingkatkan saringan kesihatan penyakit tidak berjangkit di mana empat pakej manfaat utama PeKa B40 adalah Saringan Kesihatan, Bantuan Alat Perubatan, Insentif Melengkapkan Rawatan Kanser dan Insentif Tambang Pengangkutan.

PeKa B40 dikendalikan oleh KKM manakala Skim Perlindungan Nasional B40 atau mySalam dikendalikan oleh Kementerian Kewangan. PeKa B40 akan dilaksanakan sebagai projek perintis bermula dalam kalangan kumpulan B40 yang berumur 50 tahun dan ke atas. KKM sedang memuktamadkan perincian pelaksanaan termasuk mengoptimalkan peruntukan RM100 juta yang diluluskan dalam Bajet 2019, di samping mengadakan perbincangan melalui sesi libat urus atau *sesi engagement* (dengan izin) bersama para pengamal perubatan swasta, Exco Kesihatan Negeri, ADUN serta anggota KKM di setiap negeri untuk memberi pemahaman tentang pelaksanaan PeKa B40 serta mendapatkan maklumbalas dan cadangan penambahbaikan.

Jumlah keseluruhan penerima BSH yang berumur 50 tahun dan ke atas di negeri Sabah adalah seramai 293,763 orang. Bagi projek perintis ini, dianggarkan seramai 59,613 orang rakyat Sabah berpeluang menikmati manfaat PeKa B40 berdasarkan peruntukan RM 100 juta yang diberi kepada KKM.

Sekian, terima kasih.